

Hubungan Malaysia dan Brunei dalam Pelita Brunei, 1957-1970

Mohd Azhar Zainal
Penyelidik Bebas, Malaysia

Mohd Firdaus Abdullah*
Universiti Kebangsaan Malaysia

Yusry Sulaiman
Universiti Malaysia Sabah

Emel perhubungan: mfa@ukm.edu.my*

Abstrak

Kebanyakan kajian yang sedia ada berkaitan hubungan Brunei dan Malaysia tidak menggunakan Pelita Brunei sebagai sumber utama kajian meskipun akhbar ini telah menjadi lidah rasmi Kerajaan Brunei sejak tahun 1956. Hakikatnya, akhbar ini memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat berkaitan hubungan antara Brunei dan Malaysia pada tempoh yang telah dinyatakan. Oleh itu, kajian ini ingin melihat sejauh mana isu hubungan Brunei dan Malaysia mempengaruhi liputan Pelita Brunei dari tahun 1957 hingga 1970. Kajian ini bertemakan sejarah dan menggunakan kaedah kualitatif sepenuhnya. Sumber dan bahan diperoleh dari Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Brunei Darussalam, Perpustakaan Negara Malaysia, perpustakaan universiti awam seluruh Malaysia dan lain-lain. Hasil kajian mendapati, Pelita Brunei memainkan peranan penting dalam menyampaikan isu-isu yang berkaitan dengan hubungan antara Brunei dan Malaysia dari tahun 1957 hingga 1970. Akhbar ini juga menjadi salah satu media utama dalam usaha Kerajaan Brunei membentuk negara bangsa mereka sendiri. Pada masa yang sama, dapat dilihat bahawa beberapa isu penting yang berkaitan dengan hubungan antara Brunei dan Malaysia menjadi tumpuan akhbar ini semasa tempoh yang dinyatakan. Sebagai contoh, isu berkaitan dengan pembentukan Malaysia, pendidikan dan soal keselamatan Brunei.

Kata Kunci: *Brunei, Malaysia, Pelita Brunei, Hubungan antarabangsa, Politik antarabangsa*